

## WCT dianugerah kerja-kerja infrastruktur



MOHD. LOTFY

**KUALALUMPUR**- Kwasa Land Sdn. Bhd. (Kwasa Land), pemaju utama projek pembangunan Kwasa Damansara, mengumumkan kerja-kerja infrastruktur WPC 1A dalam projek tersebut dianugerahkan kepada WCT Holdings Bhd. (WCT).

WPC 1A (Work Package Contract) yang bernilai RM127 juta itu adalah untuk cadangan pem-

binaan dan penyiapan kerja infrastruktur awam di perbandaran Kwasa Damansara iaitu di kawasan di MX-1 (perbandaran utama) dan Stesen MRT Kwasa Sentral.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd. Lotfy Mohd. Noh berkata, tawaran itu merangkumi pembersihan dan penyediaan tapak, kerja-kerja tanah, kerja jalan,

kerja-kerja penyaliran, perabot jalan, retikulasi pembetulan dan rawatan pembetulan, retikulasi air, kerja-kerja infrastruktur elektrik dan kerja-kerja landskap kejur serta lembut.

Kerja-kerja infrastruktur utama akan disiapkan dalam masa 104 minggu selaras dengan pembangunan perbandaran utama MX-1.